

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

JABATAN PERSURATAN MELAYU
UNIVERSITI KEERANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1983

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN:
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

OLEH

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1982/1983

istimewa buat:

ayah yang dah pergi;
ibu yang tak jemu-jemu
mendoakan kejayaanku;

isteri yang begitu memahami
serta anak-anak
yang belum mengerti
dan

adik-adik yang masih lekakan
keagungan syurga dunia.

apo na? dikato

pai pohan nãe? bosika

toñah aŷi toñah panah

apo dayo mōtoñ gotah

apo nã? dikato

kalau boleh nã? jadi ce?gu s^okolah

ke? kolo pilah

sawah leba kobau baña?

ae pigi sojo? sokali

supi sopi ta?do oŷaŷ

apo nã? dikato

kalau boleh nã? biseñ-biseñ

mācam pohan tampen

tana? nasi? boŷeh kampon

māsa? loma? cili api

māsen padi ta?do lai

apo nã? dikato

ŷamāi oŷaŷ dah koŷo kilan

ke? pohan soŷomban

batu ŷampe? tolo? komāñ

tampe? oŷaŷ māndi-māndo

aŷi minggu ponoh sosa?

apo mā? dikato

ae laot botambah māsen

ke?pohan po? de?sen

PENGHARGAAN

Bismilla - hirrahma - Nirrahim

Terlebih dahulu yang mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah melimpahkan taufik dan hidayat-Nya sehingga dapat saya sempurnakan latihan ilmiah ini pada masa yang telah ditetapkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih serta terhutang budi saya kepada Prof. Madya Dr. Farid M. Onn, Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, kerana sudi menjadi penyelia serta pembimbing saya didalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar serta pandangan telah saya gunakan sepenuhnya di dalam kajian ini. Mudah-mudahan, segala jasabaik akan saya hargai dan menjadi kenangan di sepanjang hayat.

Tidak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk-penduduk di Mukim Tanjung Keling, Rembau, yang telah memberikan kerjasama yang begitu

menggalakkan di dalam usaha saya untuk memperolehi daftar kata dialek ini untuk kajian ini. Kepada Ketua Kampung, Kampung Tanjung Keling, Encik Mohd. Lazim, lebih-lebih lagi ibu penulis, Hasnah bt. Malek, serta nenda penulis sendiri, Mendek bt. Hj. Hassan, yang telah banyak membantu penulis terutama di dalam usaha mengumpulkan daftar kata dialek kajian ini. Juga, kepada pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Rembau yang telah turut memberikan kerjasama, saya ucapkan terima kasih. Semoga budi baik kalian akan diberkati Allah jua.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan khusus untuk isteri saya, Hayati bt. Ismail serta anak-anak, Hasfariza dan Hasyima, yang begitu bersimpati ketika menghasilkan kajian ilmiah ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menghasilkan latihan ilmiah ini.

Abu Hassan b Mohd Yusof,
K9B-112, Komsis 'C',
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.

24 Januari, 1983.
10 Rabiul-Awal, 1403.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan ..	...	1
1.2	Penggolongan Dialek	...	2
1.3	Dialek Kajian	...	5
1.4	Kawasan Kajian	...	8
1.5	Pengumpulan Data	...	9
1.6	Masalah Kajian <i>"Kandungan"</i>	...	11
1.7	Tujuan Kajian	...	13
1.8	Organisasi dan Abreviasi	...	16
NOTA		...	19

BAB 2FONOLOGI

2.0	Definisi	..	..	..	..	21
2.1	Inventori Konsonan	..	..	..	..	23
2.1.1	Plosif	..	..	..	..	25
2.1.2	Afrikat	..	..	..	..	29
2.1.3	Nasal	..	..	..	..	30
2.1.4	Lateral	..	..	..	..	33
2.1.5	Frikatif	..	..	..	..	34
2.1.6	Frikatif Alveolar	..	..	..	..	37
2.1.7	Hentian Glotis	..	..	..	..	38
2.1.8	Frikatif Glotal	..	..	..	..	39
2.1.9	Separuh Vokal	..	..	..	..	42
2.2	Konsonan Pinjaman			..	..	44
2.3	Inventori Vokal	..	..	..	..	47
NOTA	..	..	..	..	..	59

BAB 3MORFOLOGI

3.0	Pendahuluan	..	..	..	..	60
3.1	Kata Akar	..	..	..	..	62

3.1.1	Kata Akar yang Monosilabik	..	64
3.1.2	Kata Akar yang Bisilabik	..	64
3.1.3	Kata Akar yang Trisilabik	..	67
3.1.4	Kata Akar yang 4 Silabik	..	68
3.2	Kata Partikel		70
3.2.1	Kata Bilangan		71
3.2.2	Pengkuantitian		72
3.2.3	Interogatif		72
3.2.4	Kata Penghubung		73
3.2.5	Preposisi		74
3.2.6	Negatif		75
3.2.7	Emfatik		76
3.2.8	Afirmatif		77
3.2.9	Interjeksi		77
3.3	Imbuhan		78
3.3.1	Awalan		79
3.3.1.1	Awalan [pɔŋ]		79
3.3.1.2	Awalan [mɔŋ]		81
3.3.1.3	Awalan [bɔ]		82
3.3.1.4	Awalan [tɔ]		83
3.3.1.5	Awalan [di]		84
3.3.1.6	Awalan [sɔ]		86

3.3.2	Akhiran	..	...	87
3.3.3	Imbuhan Terbahagi		...	88
3.4	Kesimpulan	..	...	90
NOTA	..	..	..	91

BAB 4

BEBERAPA PROSES FONOLOGI DAN MORFOLOGI

4.1	Proses-Proses Fonologi	...	92
4.1.1	Pengguguran - ɔ	...	92
4.1.2	Penyisipan - ɔ	...	96
4.1.3	Metatesis	..	97
4.1.4	Nasalisasi	..	100
4.1.5	Palatalisasi dan Labialisasi		105
4.1.6	Penyisipan Glotis	...	109
4.2	Proses-Proses Morfologi	...	110
4.2.1	Afiksasi(Pengimbuhan)	...	111
4.2.2	Reduplikasi(Pengimbuhan [?])	...	119
4.2.3	Proses Pemendekan Kata	...	123
4.3	Morfofonemik	..	125
4.4	Kesimpulan	..	126
NOTA	...	..	128

BAB 5DNS dan BMS: SEDIKIT PERBANDINGAN

5.1	Pendahuluan	..	...	130
5.2	Konsep Dialek dan Bahasa Standard			131
5.3	Perbandingan Antara DNS dan BMS			133
5.3.1	Fonologi	..	...	133
5.3.1.1	Penyebaran Konsonan		...	134
5.3.1.2	Penyebaran Vokal		...	137
5.3.1.3	Urutan Vokal	..	...	140
5.3.2	Morfologi	..	...	143
5.3.3	Kata-Kata Daerah		...	147
NOTA	...	..	...	150

BAB 6

PENUTUP	..	..	...	151
NOTA	...	..	...	156

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

BAB 1

PENGENALAN


1.1. Pendahuluan

Dialek yang menjadi tumpuan kajian ini, iaitu dialek Negeri Sembilan (selepas ini, DNS), tergolong ke dalam rumpun Bahasa Melayu; dan bahasa Melayu pula adalah tergolong ke dalam kelompok keluarga Bahasa Austronesia¹ atau Malayo-Polynesia yang merangkumi kawasan yang amat luas, iaitu dari Madagaskar di sebelah Barat hinggalah ke Filipina di sebelah Timur (Farid, 1980 : 1). DNS yang dipercayai berasal dari bahasa Minangkabau adalah termasuk ke dalam kelompok Barat.

Di Malaysia kini, bahasa Melayu sudah pun diperingkatkan kedudukannya sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara di samping menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi. Di Malaysia juga, didapati lebih daripada dua pertiga penduduknya menggunakan bahasa Melayu sebagai alat untuk berkomunikasi. Oleh sebab bahasa Melayu itu sudah maju dan

berkembang maka wujudlah dialek yang berbagai-bagai di negara ini. Ini dapat dikesan melalui bentuk pertuturan yang diamalkan oleh para penutur dialek berkenaan. Namun demikian, di dalam penulisan mereka tetap menggunakan Bahasa Melayu Standard² (selepas ini, BMS).

1.2.



Penggolongan Dialek

Berbagai-bagai cara dilakukan orang untuk mengelompokkan dialek di Tanah Melayu (selepas ini, TM) ini.³ Seorang ahli bahasa Barat, Brown, mengatakan bahawa dialek di TM dapat dibezakan berdasarkan faktor geografis atau sempadaⁿ negeri (Abdullah Hassan, 1974 : 2). Ini bererti bahawa setiap negeri di TM mempunyai dialeknya sendiri. Dengan kata lain, di TM sahaja terdapat 11 macam dialek (tidak termasuk Sabah dan Sarawak). Secara umumnya, pendapat beliau ada juga benarnya dan dapat pula diterima kerana terdapat kelainan dan perbezaan di antara dialek-dialek yang ada di tiap-tiap negeri. Dialek di Melaka tidak sama dengan dialek di Johor, dialek Johor tidak sama dengan dialek Pahang, dialek Selangor pula berbeza dengan dialek Negeri Sembilan, dan begitu jugalah dengan dialek-dialek lain di TM ini. Walau bagaimanapun

pun, jika diteliti dengan lebih mendalam lagi, pendapat beliau ini boleh disangkal. Ini terbukti dengan terdapatnya DNS dipertuturkan orang di bahagian utara negeri Melaka (iaitu kawasan Alor Gajah); dialek Kelantan didapati tersebar hingga ke utara negeri Terengganu, dan dialek Kedah pula terdapat juga di utara negeri Perak.

Ahli-ahli bahasa tempatan juga tidak kurang usaha mereka di dalam pengkajian dialek di daerah ini. Ismail Hussein(1973: 74) misalnya membahagikan dialek-dialek di TM ini kepada empat kelompok, sebagaimana katanya:

In the grouping of the Malay dialects in the Peninsula one can see the dominance of the Johore, Malacca, Selangor, Central Perak types as a group, and Patani, Kelantan, Trengganu types as another big group. Two other major dialect types which are quite independent from the others are the dialects of (Coastal) Kedah ^{and} Negeri Sembilan.

Penggolongan ini dilakukannya berdasarkan kelainan fonetik dan leksikal. Sebenarnya, Ismail Hussein(1973) telah mengelompokkan empatbelas macam dialek, tetapi hanya empat sahaja penting seperti yang disarankannya di atas.

Abdullah Hassan (1974) pula menggolongkan dialek di TM ini kepada lima kelompok; iaitu kelompok Johor, kelompok Perak, kelompok Kedah, kelompok Kelantan dan kelompok Negeri Sembilan. Penggolongan ini agak 'selari' dengan penggolongan yang dilakukan oleh Farid M. Onn(1980: 72) yang mengatakan bahawa dialek Melayu yang utama dapat dikelompokkan kepada empat kelompok asas, iaitu:⁴

- i. Kelompok Selatan (Southern Group),
- ii. Kelompok Timur-Laut (North-eastern Group),
- iii. Kelompok Pesisir Utara TM (North-Coastal Group),
- iv. Kelompok Negeri Sembilan.

Sementara itu, Asmah Hj. Omar(1977: 29) pula didapati kurang akur dengan cara penggolongan yang dibuat oleh sama ada Ismail Hussein(1973), Abdullah Hassan(1974) mahupun Farid M. Onn(1980) lantas mengatakan bahawa dialek di TM dapat digolongkan ke dalam empat kelompok utama yang berasingan:

- i. Kelompok Barat-Laut: Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perak Utara,
- ii. Kelompok Timur-Laut: Kelantan,
- iii. Kelompok Timur: Terengganu,

iv. Kelompok Selatan: Johor,
Pahang, Melaka, Selangor
dan Perak Selatan.

Berdasarkan penggolongan dan pengelompokan di atas, kita dapati DNS adalah terkeluar dan tidak termasuk ke dalam mana-mana kelompok kerana ia merupakan dialek tersendiri. Lagi pun, dialek ini ada memperlihatkan ciri-ciri campuran antara kelompok-kelompok i, ii, iii dan iv di atas, walaupun dari segi latar geografinya DNS termasuk ke dalam kelompok iv (Asmah Hj. Omar, 1977).

Walau apa cara dan bagaimana sekalipun pembahagian dan penggolongan yang dibuat oleh ahli-ahli bahasa, penulis tetap berpendirian dan mengatakan bahawa DNS adalah salah satu di antara beberapa kelompok dialek yang ada atau wujud di negara kita sekarang ini.

1.3. Dialek Kajian

Dialek yang dikaji ialah DNS yang dipertuturkan oleh penduduk-penduduk di Mukim Tanjung Keling iaitu salah sebuah mukim di daerah Rembau.⁵ Adalah dipercayai bahawa dialek yang dikaji ini adalah merupakan

'pecahan' daripada dialek Minangkabau (selepas ini, DM). Menurut keterangan sejarah, sebahagian besar penduduk Negeri Sembilan hari ini adalah keturunan orang-orang Minangkabau yang datang dan membuat penempatan di beberapa kawasan TM terutama di Negeri Sembilan. Adalah dipercayai juga bahawa kaum imigren ini telah datang ke daerah ini terutama di Negeri Sembilan pada kurun keempatbelas (Abd Samad Idris, 1968). Malah, ada di antara sejarawan yang lebih yakin lagi dengan memberikan tarikh sebenar kedatangan orang-orang Minangkabau ini ke sana iaitu pada tahun 1334 (Kamaruzaman Yahya, 1963).

Sesungguhnya kedatangan mereka ke daerah ini telah membawa pengaruh serta berjaya pula menguasai cara dan corak hidup masyarakat tempatan. Di samping pengaruh budaya yang masih kuat dan tebal lagi pemakaiannya di Negeri Sembilan⁶, kita dapati pengaruh yang amat jelas terdapat pada bahasa yang dipakai. Salah satu daripada unsur yang diterima dan yang telah menerima pengaruh DM ialah ciri-ciri vokalnya. Walau bagaimanapun, patut dinyatakan di sini bahawa DNS yang dikaji bukanlah DM. Sebenarnya, ia merupakan dialek yang tersendiri yang telah menyimpang jauh daripada DM walaupun masih terdapat beberapa patah perkataan dikekalkan penggunaannya seperti

[dapɛʔ], [tamboh] yang masing-masing bermaksud 'dapat' dan 'tambah'.⁷ Ciri-ciri lain yang terdapat dan telah menerima perubahan ialah pada fonem vokal [a]. Perhatikanlah contoh-contoh berikut; iaitu sebagai perbandingan antara DM, DNS dan BMS:⁸

<u>DM</u>	<u>DNS</u>	<u>BMS</u>
[<u>pa^yi</u>]	[<u>po^yi</u>]	'pergi'
[<u>badan</u>]	[<u>bodan</u>]	'badan'
[<u>kaba</u>]	[<u>koba</u>]	'khabar'
[<u>gadaŋ</u>]	[<u>godan</u>]	'besar'
[<u>nagari</u>]	[<u>nõŋõyi</u>]	'negeri'
[<u>barɛh</u>]	[<u>boɣɛh</u>]	'beras'
[<u>lapɛh</u>]	[<u>lopeh</u>]	'lepas'
[<u>pigi</u>]	[<u>pigi</u>]	'perigi'

Berdasarkan perubahan-perubahan di atas, didapati bahawa vokal [a] selepas konsonan pada sukukata pertama dalam DM menjadi [ɔ] dalam DNS. Di samping itu terdapat juga beberapa perkataan yang dikekalkan penggunaannya di dalam dialek ini. Sebenarnya, banyak lagi perubahan lain yang menarik mengenai dialek ini yang akan dihuraikan di dalam bab-bab selanjutnya.⁹

1.4. Kawasan Kajian

Kawasan yang dipilih untuk kajian ini ialah Mukim Tanjung Keling iaitu salah sebuah mukim yang terdapat di daerah Rembau.¹⁰ Mukim ini yang luasnya kira-kira 4.25 batu persegi mempunyai penduduk seramai 2007 yang kesemuanya Melayu.¹¹ Di mukim ini terdapat lima buah kampung iaitu Kampung Tanjung Keling, Kampung Mampung, Kampung Senama Hulu, Kampung Senama Tengah dan Kampung Senama Hilir. Jadi, setiap kampung hanya terdapat lebih kurang 400 orang penduduk sahaja.

Lebih daripada 90% penduduk di mukim ini adalah petani: penoreh getah, berternak, bersawah padi dan berkebun sayur. Selebihnya adalah pesara-pesara dari bekas kaki-tangan kerajaan, dan kerana itu bertani adalah merupakan kerja sambilan bagi mereka. Kebanyakan penduduk yang berada di dalam lingkungan umur tua, terutama yang berumur lebih daripada 60 tahun, tidak pernah menerima pendidikan formal. Kalau ada pun hanyalah melalui kelas-kelas pondok sahaja. Kerana itulah, soal pengaruh-mempengaruhi terutama dari segi bahasa pertuturan memang jarang-jarang berlaku, dan kalau ada pun, mungkin antara mukim sahaja. Itu pun melalui institusi perkahwinan.

Keadaan sedemikian tidak sedikit pun mengubah bentuk pertuturan mereka.

Walaupun mukim-mukim tersebut berada di dalam daerah yang sama, namun terdapat juga variasi bahasa pertuturan mereka. Dengan kata lain, terdapat kelainan bunyi-bunyi bahasa pertuturan. Misalnya, cara membunyikan dan menyebut kata 'betul'. Penduduk-penduduk di Mukim Tanjung Keling membunyikannya sebagai [ˈboto] sedangkan penduduk di Mukim Bongek, Nerasau dan Chengkau menyebutnya sebagai [ˈbotol]. Oleh kerana terdapatnya perbezaan serupa ini, walaupun kecil, akan memberi kesan kepada kajian ini. Kerana itu jugalah penulis terpaksa mengecilkan lagi ruang-lingkup kajian kepada bahasa pertuturan di Mukim Tanjung Keling sahaja.

1.5. Pengumpulan Data

Pengumpulan data untuk tujuan kajian ini telah dibuat melalui informan-informan yang dianggap dapat mewakili bentuk pertuturan penduduk-penduduk di kawasan kajian. Dalam memilih informan, beberapa faktor telah diambil kira termasuk umur, latar-belakang pendidikan

dan pergaulannya dengan masyarakat di luar daerah tempat tinggalnya itu. Adalah dijangkakan bahawa lebih tua seseorang informan itu lebih jitu dan sah pula korpus (data) bahasa yang akan diperolehi. Dengan demikian, kebanyakan informan yang terlibat dengan kajilidikan ini berumur lebih daripada 50 tahun.

Sayugia dinyatakan bahawa faktor jantina telah tidak begitu diambil kira sangat walaupun Walter A. Wolfram(1969: 252) berpendapat bahawa penutur wanita pada umumnya lebih berkecenderungan menggunakan bahasa standard jika dibandingkan dengan penutur lelaki. Secara kebetulan pula, ramai di antara informan penulis adalah terdiri daripada kaum wanita. Tambahan pula, di mukim ini didapati penduduk wanita lebih ramai daripada lelaki. Informan wanita yang ditemubual didapati tidak pula kekok, dan mereka menggunakan dialek daerah sepanjang pertemuan itu. Mereka nampaknya suka dan gemar menggunakan dialek daerah mereka. Malah sebaliknya, informan lelaki didapati lebih berkecenderungan menggunakan bahasa standard. Oleh kerana itulah penulis tidak begitu hiraukan sangat tentang jantina kerana perbezaan jantina tidak akan memberikan apa-apa kesan terhadap kajilidikan kita. Bagaimanapun, syarat-syarat lain seperti yang dicadangkan

oleh Ayatroheidi(1979), sedapat mungkin telah penulis patuhi. Lebih-lebih lagi berhubung dengan soal latar-belakang informan. Ini adalah kerana penulis beranggapan bahawa lebih tinggi taraf pendidikan seseorang informan itu akan lebih berkecenderungan pula ia menggunakan BMS atau bahasa persuratan.

Melalui informan-informan yang telah dipilih dengan bantuan penduduk-penduduk di kawasan kajian inilah penulis memperolehi data untuk kajian ini. Data ini dikumpulkan dengan cara membuat atau melakukan transkripsi fonetik terus daripada informan dan pita rakaman hanya digunakan apabila penulis merasa ragu-ragu dengan penyebutan informan berkenaan dan transkripsi fonetiknya dilakukan kemudian dengan bantuan mereka yang arif dalam bidang ini.

1.6. Masalah Kajian

Kita mesti menerima hakikat bahawa sebarang kajian di dalam mana-mana bidang sama ada sains sosial atau sebagainya, lebih-lebih lagi kajian yang bersifat ilmiah seperti ini pasti menghadapi berbagai-bagai masalah meskipun kerjasama yang diperolehi daripada pen-

duduk di kawasan yang terlibat dengan kajian ini begitu memuaskan. Semasa temubual dijalankan dengan informan-informan, penulis dapati ada di antara mereka yang cuba menggunakan BMS terutamanya informan lelaki, walaupun tujuan sebenar kajian ini telah diterangkan pada awal-awal lagi.

Perlu dinyatakan bahawa walaupun kampung-kampung yang terlibat dengan kajian ini boleh dikatakan kecil, namun agak sukar juga untuk mendapatkan informan-informan yang benar-benar sesuai dan dapat pula memenuhi syarat-syarat yang diperlukan. Sepertimana yang telah dinyatakan terdahulu bahawa 'ketuaan' seseorang informan itu bukan sahaja dinilai dari segi umurnya, malah faktor pendidikan, pengalaman dan pergaulannya dengan masyarakat di luar daerahnya juga harus diambil kira.

Meskipun terdapat masalah, ini tidak bermakna bahawa penulis gagal di dalam kajilidikan ini. Penulis telah berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan sebanyak informan yang mungkin dengan bantuan penduduk-penduduk di situ. Bagi penduduk-penduduk di Kampung Tanjung Keling agak mudah mendapatkan kerjasama kerana penulis adalah anak watan kampung ini. Tambahan pula,

kebanyakan informan yang terlibat dengan kajian ini adalah waris penulis sendiri. Cuma yang agak sulit sedikit ialah mengenai penggunaan alat perakam. Boleh dikatakan 90% daripada mereka yang ditemubual enggan dirakamkan suara mereka. Ini termasuklah waris penulis sendiri. Mereka beranggapan bahawa suara mereka akan kedengaran pula di radio, dan ini menimbulkan kecurigaan pada mereka, walaupun tujuan sebenar telah diterangkan terlebih dahulu. Bagaimanapun, secara keseluruhannya kajilidikan ini berjaya diadakan dan dijalankan.

1.7. Tujuan Kajian

Tidak dapat dinafikan bahawa agak ramai juga peminat-peminat serta ahli-ahli bahasa tempatan yang telah cuba mengkaji seterusnya menonjolkan rumus-rumus permukaan DNS secara umum untuk pengetahuan ramai. Usaha mereka ini memang patut dihargai. Bagaimanapun, rumus-rumus permukaan yang dihasilkan khususnya mengenai aspek fonologi dan mungkin juga morfologi¹² tidak sama.

Pada umumnya, masyarakat di Negeri Sembilan memang bertutur dalam DNS. Tetapi jika dikaji

serta dihalusi terdapat perbezaan fonologi dan morfologi antara satu daerah dengan satu daerah yang lain. Malah, perbezaan bunyi-bunyi pertuturan antara mukim juga wujud. Dengan kata lain, penutur-penutur DNS tidak bertutur dalam satu dialek yang sama atau bentuk pengucapan yang seragam. Kelainan ini wujud kerana faktor-faktor sosial, geografis dan juga faktor pendidikan. Bentuk pengucapan dialek Ulu Muar yang dikaji oleh Hendon(1959) berbeza dengan bentuk pengucapan yang diteliti oleh Sharman Abu (1974). Begitu juga hasil penelitian Ismail Hussein (1973). Malah, di dalam penulisan Asmah Hj. Omar (1977) sendiri mengenai fonologi DNS banyak terdapat kesilapan. Untuk tidak mengelirukan, maka penulis berasa bertanggungjawab untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan tersebut, di samping cuba menonjolkan ciri-ciri utama yang terdapat di dalam DNS khususnya dialek yang dipertuturkan di daerah kajian penulis.

Dari segi fonologi, DNS di samping tidak mempunyai schwa (vokal tengah) [ə], mengikut sistem pertuturan di kawasan ini tidak wujud fonem 'r' atau 'y' pada kedudukan awal kata. Aspek ini, di samping ciri-ciri lain benar-benar menarik dan akan dihuarikan di dalam bab-bab yang seterusnya. Dari aspek morfologi pula,

terdapat beberapa proses yang unik dan menarik dan yang mungkin tidak terdapat di dalam dialek-dialek lain. Penulis berharap ciri-ciri keunikan dan kelainan ini akan mendapat perhatian para pengkaji bahasa untuk memperdalam lagi kajian mengenai dialek ini.

Tujuan ketiga penulis mengkaji dialek ini ialah untuk memberitahu masyarakat umum bahawa dialek yang dikaji ini dapat dianggap sebagai subdialek DNS kerana ia sudah lari sedikit daripada struktur permukaan DNS. Jadi, sebagai subdialek DNS terdapat beberapa ciri linguistik yang tidak sama, dan ketidaksamaan inilah yang telah mendapat perhatian serta minat penulis untuk mengkajinya dengan agak lebih mendalam lagi agar masyarakat umum mudah mengetahui serta mempelajari dialek ini.

Patut juga diberitahu bahawa kajian ini adalah berdasarkan kepada aspek sinkronis bahasa yang dikaji; iaitu hal-hal yang bersangkutan dengan aspek-aspek fonologi dan morfologi. Kajian ini seterusnya akan cuba memperlihatkan proses-proses yang berlaku sama ada dari aspek fonologi mahupun morfologi dialek berkenaan. Oleh kerana kajian ini lebih bersifat deskriptif dan kajiannya pula berdasarkan kepada aspek sinkronis bahasa,

maka simbol-simbol yang akan diterapkan di dalam kajian ini nanti adalah juga simbol-simbol yang berkaitan dengan kajian linguistik secara sinkronis terutama kajian bahasa yang berbentuk fonologi generatif.

1.8. Organisasi dan Abreviasi

Latihan ilmiah ini dihasilkan melalui enam bab. Bab Pertama penulisan ini merupakan bahagian pengenalan semata-mata. Di dalam Bab Kedua, penulis membincangkan tentang fonologi DNS. Selain daripada itu, akan disentuh juga mengenai konsonan pinjaman dan separuh vokal serta penyebarannya di dalam posisi kata sama ada pada awal kata, di tengah mahupun pada kedudukan akhir kata.

Bab Tiga pula akan menyangkut aspek morfologi dialek ini. Dalam bahagian ini antara lain akan disentuh kata akar, partikel serta jenis imbuhan yang terdapat di dalam dialek ini. Jenis-jenis imbuhan yang akan disentuh termasuklah imbuhan awalan, akhiran dan gabungan antara awalan dan akhiran.¹³

Beberapa proses fonologi dan morfologi dialek ini akan disentuh di dalam Bab selanjutnya (Bab 4). Antaranya, termasuklah pengguguran [ʏ], penyisipan [ɛ], gejala urutan vokal (bukan diftong)¹⁴, perubahan s kepada h di posisi akhir kata dan beberapa proses perubahan lain yang penting. Mengenai proses morfologi pula akan dibincangkan tentang perubahan-perubahan morfem-morfem terikat, termasuk penggugurannya sekali. Selain daripada itu akan juga disentuh proses morfofonemik dialek ini.

Di dalam Bab Kelima penulis membuat perbandingan ringkas antara fonologi dan morfologi DNS dengan BMS. Rumus-rumus fonologi mengenai perubahan BMS kepada DNS akan juga diberikan.

Bab Keenam pula adalah merupakan bab terakhir atau bahagian penutup latihan ilmiah ini. Bahagian ini akan memuatkan rumusan kepada keseluruhan perbincangan mengenai fonologi dan morfologi DNS.

Abreviasi

Berikut disenaraikan di antara beberapa

simbol atau abreviasi yang akan digunakan bagi huraian rumus fonologi dialek ini.

V	Vokal
K	Konsonan
N	Konsonan Nasal
$\tilde{V}$	Vokal yang dinasalkan
/ /	Bentuk dasar
[]	Representasi fonetik
-	Sempada ⁿ morfem
$\neq$	Batas kata
\$	Batas sukukata
$\emptyset$	Segmen kosong
$\longrightarrow$	"Menjadi" atau ditulis semula sebagai
/	Menunjukkan lingkungan di mana satu-satu fitur di sebelah kiri anak panah berada
$A \longrightarrow B / _ C$	A menjadi B dalam lingkungan sebelum C
$A \longrightarrow B / C _$	A menjadi B dalam lingkungan selepas C
$A \longrightarrow \left\{ \begin{array}{c} B \\ C \end{array} \right\}$	A boleh ditulis semula sebagai B atau C

NOTA

1. Kawasan ini dulunya dikenali sebagai Kepulauan Melayu-Riau-Lingga. Untuk keterangan lanjut mengenai Salasilah Bahasa-Bahasa Nusantara, sila rujuk Mangantar Simanjuntak (1982: 55).
2. Menurut Nik Safiah Karim (1978: 17-18), "Norma bagi BMS hari ini ialah bahasa seperti yang digunakan di TV dan juga Radio Malaysia, di samping bentuk pertuturan golongan elit".
3. TM kini menjadi Malaysia sejak kemasukan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963. Ini bermakna terdapat 13 buah negeri di Malaysia. Jika berdasarkan pendapat Brown, Malaysia kini mempunyai 13 macam dialek.
4. Walaupun pengelompokan Farid(1980) didasarkan kepada pengelompokan Ismail Hussein(1973), penulis dapati beliau ada memasukkan dialek Negeri Sembilan sebagai satu kelompok utama, dan ini sama dengan pengelompokan Abdullah Hassan(1974). Oleh kerana itulah penulis mengatakan bahawa pengelompokan mereka agak selari.
5. Sila rojok peta-peta yang dilampirkan untuk mengetahui kedudukan daerah Rembau serta Mukim Tanjung Keling yang menjadi kawasan kajian ini.
6. Di samping menamakan tempat-tempat atau kawasan yang mereka terokai, mereka juga memperkenalkan adat istiadat yang terpakai di Minangkabau, iaitu Adat Perpatih. Sistem ini lebih bersifat matrilineal dan mengikut sistem ini, pewarisan harta pusaka adalah diutamakan kepada anak perempuan. Penduduknya hidup bersuku-suku dan terdapat 12 suku di Negeri Sembilan. Lihat buku Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan oleh Datuk Abd Samad Idris (1970: 33) untuk mengetahui nama-nama suku berkenaan serta asal-usul kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan.

7. Menurut Za'ba(1965a), orang-orang darat di Negeri Sembilan menyebut 'pergi' sebagai pa-i, 'khabar' sebagai kaba. Dalam hal ini terdapat pengekalan vokal 'a' selepas fonem 'p' dan 'k'. Tetapi, menurut dialek yang dikaji, vokal 'a' akan menjadi vokal belakang 'o' selepas 'p' dan 'k'. Dengan demikian kita perolehi kata-kata [poi] dan [koba] yang masing-masing bererti 'pergi' dan 'khabar'.
8. Korpus(data) bahasa Minangkabau tersebut diperolehi dari keluarga angkat penulis ketika penulis berkunjung ke daerah-daerah Sumatra Barat(Minangkabau) pada bulan Jun, 1982 lalu.
9. Perubahan yang dimaksudkan bukanlah perubahan dari DM kepada DNS tetapi pada DNS itu sendiri; sedikit perbandingan mengenainya dengan BMS akan diberikan.
10. Terdapat 17 buah mukim di daerah ini. Lihat Lampiran i untuk mengetahui nama-nama mukim serta bilangan penduduk bagi setiap mukim.
11. Bilangan ini diperolehi daripada Daftar Banci Penduduk Kerajaan Malaysia 1980 yang diperolehi daripada Pejabat Daerah Rembau.
12. Bidang Morfologi DNS belum banyak dikaji. Setakat ini cuma Hendon (1959) yang telah cuba mengkaji (meneliti) Fonologi dan Morfologi Dialek Ulu Muar di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
13. Asmah Hj. Omar(1979: 4) menamakan konsep penggabungan antara imbuhan awalan dan akhiran ini sebagai morfem terikat terbahagi. Abdul Hamid Mahmood(1982) juga menamakan imbuhan seperti 'me...kan' atau seumpamanya sebagai imbuhan terbahagi. Penulis juga akan menggunakan istilah yang sama bagi jenis imbuhan yang sama.
14. Urutan vokal seperti [ia] dan [ua] akan disentuh. Gejala seperti ini tidak dinamai diftong kerana dialek ini cuma ada tiga diftong: 'ai', 'au' dan 'oi'.


Lampiran i

Jadual Bilangan Penduduk Daerah Rembau Mengikut Mukim
Mengikut Daftar Banci Penduduk Kerajaan Malaysia 1980

Luas Daerah Rembau = 101,670 ekar

Bil.	Nama Mukim	Jum. Penduduk		Jum. Besar Penduduk
		Lelaki	Perempuan	
1.	Batu Hampar	850	1015	1865
2.	Bongek	692	805	1497
3.	Chembung	2428	2614	5042
4.	Chengkau	904	927	1831
5.	Gadung	2536	2636	5172
6.	Kundur	782	886	1668
7.	Legung Hilir	736	887	1623
8.	Legung Hulu	374	439	813
9.	Miku	83	89	172
10.	Nerasau	861	1037	1898
11.	Pedas	2575	2444	5019
12.	Pilin	617	667	1284
13.	Selemak	1454	1721	3175
14.	Semerbuk	392	410	802
15.	Sepri	664	824	1488
16.	Tanjung Keling	919	1088	2007
17.	Titian Bintangur	2083	2269	4352
Jumlah Besar Penduduk Rembau		18950	20758	39708

PETA NEGERI SEMBILAN



NEGRI SEMBILAN

REFERENCE

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 MILES

STATE BOUNDARY ————


RAILWAYS ————

ROADS ————



Peta Negeri Sembilan yang menunjukkan pecahan daerah-daerahnya. Kawasan kajian ialah daerah REMBAU - Kawasan yang bertanda tebal

Lampiran iv



Peta daerah Rembau yang menunjukkan sempadan antara mukim-mukim. Kawasan kajian ialah Mukim Tanjung Keling iaitu kawasan yang berlorek tebal.

B I B L I O G R A F I

BUKU-BUKU

Abd. Samad Idris (Tan Sri), 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

_____, 1970. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas Negeri.

Abdullah Hassan, 1974. The Morphology of Malay. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____(ed.), 1978. Rencana Linguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1980. Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Pajar Bakti.

Abercrombie, David, 1967. Elements of General Phonetics. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Arbak Othman, 1980. Ilmu Linguistik. Kuala Lumpur: Pustaka Pengarang.

Asmah Hj. Omar, 1973. Morfologi-Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia: Satu Pola Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1977. Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- _____, 1979. Pengimbuhan Dalam Bahasa Makassar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1980b. Nahu Melayu Mutakhir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ayatroheidi, 1979. Dialektology: Sebuah Pengantar. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Bloch and Trager, 1942. Outline of Linguistics Analysis. Baltimore: Linguistic Society of America.
- Bloomfield, Leonard, 1935. Language. London: George Allen & Unwin.
- Brandstetter, R., 1957. Hal Bunyi Dalam Bahasa-Bahasa Indonesia. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Brown, C.C., 1956. Studies In Country Malay. London: Luzac & Co. Ltd.
- Chomsky, N. and Halle, M., 1968. The Sound Pattern of English. New York: Harper & Row.
- Farid M. Onn, 1980. Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hendon, Rufus S., 1959. Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay. Tesis PhD. University Yale, USA.
- Hockett, C.F., 1958. A Course in Modern Linguistics. New York: Mc Millan & Co.
- Jones, D., 1956. An Outline of English Phonetics. Cambridge: W. Heffer & Sons Ltd.

- Ladefoged, Peter, 1975. A Course In Phonetics.
USA: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Lutfi Abas, 1975. Linguistik Deskriptif dan
Nahu Bahasa Melayu. Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1982. Aspek Bahasa dan
Pengajaran. Kuala Lumpur: Sarjana
Enterprise.
- Mees, C.A., 1967. Ilmu Perbandingan Bahasa-
Austronesia. Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa & Pustaka.
- Nida, A.E., 1963. Morphology: The Descriptive
Analysis of Words (2nd. ed.). An Arbor:
University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim, 1981. Beberapa Persoalan
Linguistik Bahasa Melayu. Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1978. Bahasa Malaysia Syntax.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Raja Mukhtaruddin b Raja Mohd Dain, 1979/1980.
Kaedah dan Teknik Mengajar Bahasa.
Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.
- Samsuri, 1972. Bahasa dan Ilmu Bahasa dan
Fonologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
& Pustaka.
- Schane, Sanford A., 1973. Generative Phonology.
Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-
Hall, Inc.
- Singh, Sadanand and Singh, Kala S., 1976.
Phonetics: Principles and Practices.
Baltimore: University Park Press.
- Trubetzkoy, N.S., 1971. Principles of Phonology.
Berkeley: University of California
Press.

inal Abidin Ahmad (Za'ba), 1965a. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1965b. Pelita Bahasa Melayu 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

RTIKEL-ARTIKEL

Bakar Hamid, 1964. "Tinjauan Sepintas Lalu Tentang Fonologi," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 3, Mac.

_____, 1964. "Morfologi: Satu Keterangan Ringkas," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 4, April.

Abd Hamid Mahmood, 1982. "Morfologi Dialek Kelantan," Dewan Bahasa. Jld. 26, Bil. 8/9, Ogos/September.

Asmah Hj. Omar, 1980a. "The Kedah Dialek: Its Distribution, Development and Role In The Kedah Speech Community," Darulaman: Essays on Linguistics, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysia State of Kedah. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Collins, James T., 1981. "Bahasa dan Dialek: Perancangan dan Pendidikan," Dewan Bahasa. Jld. 25, Bil. 12, Disember.

arid M. Onn, 1980a. "Perubahan Bahasa dari Kajian Dialek; Satu Pendekatan Tatabahasa Generatif," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 8, Ogos.

I Hassan Mohd Ali, 1963. "Sedikit Mengenai Penambahan," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 4, April.

Ismail Hussein, 1973. "The Malay Dialect in The Peninsula," Nusantara. Bil. 3, Januari.

Kamaruzaman Yahya, 1963. "Pelat Bahasa dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 5, Mei, dan Bil. 6, Jun, serta Bil. 7, Julai.

Mangantar Simanjuntak dan Ramli Salleh, 1980. "Perubahan-Perubahan Bunyi Bahasa: Satu Kajian Kes Bahasa Melayu Melaka, (Bahagian 1 dan 2)," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 10, Oktober, dan Bil. 11, November.

Sharman Abu, 1973. "Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-Bunyi Vokal Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. XVII, Bil. 12, Disember.

_____, 1974. "Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. 18, Bil. 6, Jun.

Wolfram, Walter A., 1966. "Linguistic Correlation of Social Differences in the Negro Community," Monograph Series of Languages and Linguistic, Report on the Twentieth Annual Round Table Meeting On Linguistic and Language Studies. Georgetown University Press, 22 November.

LATIHAN ILMIAH

Alias Hamid, 1979/1980. Dialek Bahasa Melayu Melaka: Satu Tinjauan Perbandingan. IBKKM.

Mastura @ Mispura Anuar, 1978/1979. Aspek Fonologi dan Morfologi Dialek Melayu Sarawak: Satu Kajian Preliminari. IBKKM.

Naseh Hassan, 1980/1981. Fonologi Sub-Dialek Terengganu: Kajian Kes Di Mukim Jenagor, Ulu Terengganu. Jabatan Persuratan Melayu.

Zuraidah Zulkeflee, 1981/1982. Pengaruh Dialek Negeri Sembilan Kepada Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Standard Di Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes Di Tampin. Jabatan Persuratan Melayu.

Tambahan

Pie, Mario and Graynov, Frank, 1960. A Dictionary of Linguistics. London: Peter Qwen.

Rembau: Daerah Kecil Berjiwa Besar. Seremban: Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, 1982.